

10 DEC 2001

BAKTI BERI SUMBANGAN HARI RAYA UNTUK ORANG MISKIN

JITRA, 10 Dis (Bernama) -- Badan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) hari ini menyumbang enam bungkusan sumbangan Hari Raya untuk golongan kanak-kanak, orang tua dan miskin dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu.

Sumbangan itu disampaikan oleh Yang Dipertua Bakti, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, kepada Pegawai Daerah Kubang Pasu Datuk Ismail Mansor pada majlis ringkas di kediaman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kampung Titi Gajah, dekat sini.

Yang turut hadir ialah Dr Mahathir, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jitra Prof Datuk Dr Othman Ishak dan ADUN Tunjang Barishah Saad.

Dr Siti Hasmah dalam ucapannya berkata sumbangan berupa bahan makanan dan pakaian itu diharap dapat membantu golongan berkenaan mengecapi nikmat Hari Raya seperti orang lain.

Beliau berkata Pejabat Daerah Kubang Pasu akan bekerjasama dengan ADUN Jitra dan Tunjang dalam mengagihkan bungkusan berkenaan.

Dr Mahathir dan isterinya Dr Siti Hasmah dalam rangka lawatan singkat ke Kedah hari ini.

-- BERNAMA

MAN NMO